

8 Februari 2026

Untuk Siaran Segera

Kenyataan Media

**APLIKASI GICHECK LENGKAPKAN EKOSISTEM TEMPAHAN
BAHARU PUSPAKOM MENJELANG LONJAKAN TRAFIK TAHUN
BAHARU CINA**

- *Aplikasi mudah alih menyokong akses lebih pantas kepada maklumat tempahan yang disahkan*

SHAH ALAM, Ahad, 8 Februari 2026 – PUSPAKOM Sdn Bhd (“PUSPAKOM”) hari ini mengumumkan **aplikasi mudah alih GiCheck kini boleh dimuat turun di Apple App Store dan Google Play Store**. Aplikasi tersebut melengkapi pelaksanaan ekosistem tempahan digital baharu PUSPAKOM susulan pelancaran laman web GiCheck pada Januari 2026.

Menurut **Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Mahmood Razak Bahman**, pelancaran aplikasi itu adalah selari dengan usaha Kementerian Pengangkutan di bawah **Menteri Pengangkutan YB Anthony Loke** yang sedang mempergiatkan operasi keselamatan jalan raya sempena perayaan Tahun Baharu Cina. Langkah tersebut merangkumi penguatkuasaan dan pemeriksaan keselamatan yang dipertingkatkan bagi menyokong perjalanan yang lebih selamat sepanjang musim perayaan.

“Aplikasi mudah alih ini merupakan perkembangan terbaharu dalam transformasi berterusan **#MacamBaharu** PUSPAKOM. Transformasi ini memberi tumpuan kepada penambahbaikan pengalaman pelanggan melalui ketepatan, kejelasan dan kecekapan operasi yang lebih tinggi,” kata Mahmood.

Beliau menambah, “**Laman web GiCheck** yang dilancarkan pada Januari 2026 telah meletakkan asas kepada sistem tempahan yang lebih stabil dan tepat. **Aplikasi ini** kini memperluaskan keupayaan tersebut kepada pelanggan yang memilih akses mudah alih. Pada masa yang sama, integriti data dan piawaian pemeriksaan terus dikekalkan.”

Aplikasi GiCheck menggantikan aplikasi mudah alih MyPUSPAKOM dan berfungsi sebagai peluasan mudah alih kepada laman web GiCheck, yang kekal sebagai platform utama bagi

tempahan pemeriksaan kenderaan dengan fungsi paling menyeluruh. Aplikasi ini membolehkan pelanggan mengakses sistem tempahan teras yang sama melalui peranti mudah alih, sekali gus memudahkan pengurusan tempahan.

Mahmood turut menasihatkan pemilik kenderaan komersial supaya merancang pemeriksaan lebih awal. Beliau berkata sejak Mac 2025, Kementerian Pengangkutan telah melanjutkan tempoh pemeriksaan bagi kenderaan komersial. Tempoh tersebut dilanjutkan daripada 14 hari kepada 30 hari sebelum tarikh luput Lesen Kenderaan Motor (LKM).

“Pelanjutan tempoh ini oleh Kementerian Pengangkutan memberi fleksibiliti yang lebih besar kepada pemilik kenderaan. Ia membolehkan pemeriksaan dijadualkan lebih awal dan mengelakkan kesesakan di pusat pemeriksaan supaya operasi yang lebih lancar, khususnya semasa tempoh puncak,” katanya.

Menurut beliau, aplikasi GiCheck bukan sekadar saluran tempahan yang baharu. Sebaliknya, ia bertujuan menangani isu lama yang sering dihadapi pelanggan. Antara isu tersebut ialah kesilapan tempahan akibat kemasukan data secara manual dan ketidakjelasan kelayakan pemeriksaan.

“Melalui integrasi langsung dengan platform MySIKAP Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), GiCheck membolehkan maklumat kenderaan diperoleh dengan lebih tepat. Ini membantu pelanggan menyemak kelayakan pemeriksaan dan dokumen yang diperlukan lebih awal dalam proses tempahan,” katanya.

Mahmood berkata pendekatan ini dapat mengurangkan kadar tempahan dan pemeriksaan yang gagal, di samping mengelakkan lawatan berulang. Pada masa yang sama, ia menyokong operasi yang lebih lancar di pusat pemeriksaan di seluruh negara.

“Berbanding aplikasi MyPUSPAKOM sebelum ini, GiCheck menawarkan aliran tempahan yang lebih ringkas, panduan yang lebih jelas mengenai keperluan pemeriksaan, serta data kenderaan yang disahkan melalui MySIKAP, yang memberi manfaat kepada pelanggan dan juga operasi kami,” katanya.

Mahmood menambah bahawa tempahan bagi Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak terus disediakan melalui www.GiCheck.my, manakala tempahan secara pukal boleh dibuat melalui marketing@puspakom.com.my.

Beliau berkata bahawa walaupun pelaksanaan aplikasi GiCheck menyokong perjalanan tempahan yang lebih lancar, matlamat lebih besar PUSPAKOM adalah untuk membina budaya keselamatan jalan raya yang lebih kukuh di Malaysia bagi menyokong aspirasi keselamatan jalan raya Kementerian Pengangkutan.

“Keselamatan jalan raya merupakan tanggungjawab bersama,” katanya. “Apabila pelanggan mempunyai maklumat yang lebih jelas dan berdepan dengan kurang kesilapan tempahan, mereka dapat memberi tumpuan kepada melakukan perkara yang betul. Ini demi diri mereka sendiri, orang tersayang dan semua pengguna jalan raya.”

Aplikasi mudah alih GiCheck boleh dimuat turun mulai **8 Februari 2026** melalui **Apple App Store dan Google Play Store**. Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi **Pusat Khidmat Pelanggan PUSPAKOM** di talian **03-5101 7000**. Mereka juga boleh menghantar e-mel ke customerservice@puspakom.com.my. Maklumat lanjut turut dikongsi melalui [@puspakomofficial](https://www.facebook.com/puspakomofficial) di Facebook, YouTube, Instagram dan TikTok.

- TAMAT -



Ahli Kumpulan DRB-HICOM

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Siti Khairuddin
Ketua Komunikasi Pemasaran &
Pembangunan Perniagaan
PUSPAKOM Sdn Bhd
Tel: 03 - 2052 7769 H/P: 012 - 382 8550

Nik Haizan Nik Zambri
Pengurus, Komunikasi Pemasaran &
Pembangunan Perniagaan
PUSPAKOM Sdn Bhd
Tel: 03 - 2052 7547 H/P: 012 - 262 0114

MENGENAI PUSPAKOM

Selepas 30 tahun konsesi, dan dengan liberalisasi industri, PUSPAKOM kini merupakan pemegang lesen pemeriksaan kenderaan pertama Malaysia.

Peranan utama kami adalah melakukan pemeriksaan kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan memastikan kenderaan mereka berada dalam kondisi yang selamat digunakan dan mematuhi peraturan alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini dicapai melalui pemeriksaan yang teliti dan menyeluruh untuk memastikan pematuhan kepada peraturan keselamatan kerajaan.

*Kami mempunyai rangkaian **53 pusat pemeriksaan** di seluruh negara yang dilengkapi dengan peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi. Selain itu, kami mempunyai **30 tapak lawatan** yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan kawasan terpencil.*

*Kami turut menawarkan **Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak** bagi kemudahan pelanggan yang tidak dapat hadir ke cawangan. Perkhidmatan ini melibatkan:*

- **Trak Bergerak** – Untuk syarikat yang mempunyai banyak kenderaan seperti pengendali kenderaan perdagangan, syarikat penghantaran, sekolah memandu, dan pengedar. Antara pemeriksaan yang ditawarkan termasuk **Pemeriksaan Awalan, Berkala, dan Sewa Beli (B7)**.
- **Van Bergerak** – Untuk pemilik kenderaan persendirian bagi urusan seperti **pertukaran hak milik, pembaharuan cukai jalan, dan pendaftaran kenderaan import**.

Pelanggan boleh membuat tempahan Perkhidmatan Bergerak melalui www.GiCheck.my, manakala tempahan secara pukal boleh dibuat dengan menghubungi marketing@puspakom.com.my.

*Dengan **10 Trak Bergerak, 36 Van Bergerak dan 4 Unit Ringan**, kami komited untuk memberikan perkhidmatan pemeriksaan yang pantas, cekap dan profesional – terus ke lokasi pelanggan.*